



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Jamaludin luah kesediaan jadi jurulatih silat nasional

Berita Minggu, 23 January 2000, Page 18

Article also available on Microfilm Reel NL21853

Printer-Friendly Page

Jamaludin luah kesediaan jadi jurulatih silat nasional

Silat - Oleh 'i Yusoff A. Rahman.

MULA-MULA Sheik Alauddin. Kini, Jamaludin Jamil pula.

Bekas Setiausaha Persekutuan Silat Singapura (Persisi) itu sedia menjadi jurulatih silat nasional sepenuh masa tetapi dengan satu syarat.

"Oleh kerana saya bertugas di bawah Kementerian Pembangunan Masyarakat (MCD), saya tidak keberatan dipinjamkan kepada Majlis Sukan Singapura (SSC) dan kemudian disalurkan untuk berkhidmat dengan Persisi," kata Jamaludin, yang bertugas sebagai Penolong Eksekutif Majlis Pembangunan Masyarakat.

Tetapi jika itu menjadi masalah, beliau tidak keberatan menjadi jurulatih sambilan.

Persisi telah membuka permohonan baru kepada jurulatih setempat menjadi jurulatih nasional bagi penggal baru.

Ditanya kenapa beliau terdorong untuk menjadi jurulatih sepenuh masa, Jamaluddin, 42 tahun, berkata:

"Memandangkan saya pernah menjadi seorang pentadbir dalam silat, maka saya ingin meneroka bidang kejurulatihan.

"Lagipun, saya adalah pesilat tunggal yang mempunyai kelulusan Peringkat Tiga Majlis Sukan Singapura (SSC)," kata Jamaludin yang mempunyai pengalaman sebagai jurulatih selama 10 tahun dan pernah mengikuti latihan skuad Singapura pada 1984.

SSC menggalakkan setiap persatuan yang berada dalam Kategori Utama dan Merit untuk mendapatkan tenaga jurulatih dan seorang pegawai pentadbiran sepenuh masa. —